

Asal Usul Masyarakat Bajau di Pantai Barat Borneo Utara: Satu Kajian Literatur

The Origins of the Bajau Community on the West Coast of North Borneo: A Literature Review

Yusry Sulaiman^{1*} Mohamed Ali Haniffa² Nor Azlah Sham Rambely³

^{1,2 & 3*} Kolej Seni dan Sastera, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author: yusry.sulaiman@uum.edu.my

Received: 23 August 2025; Accepted: 6 July 2025

Abstrak

Kajian ini meneliti asal-usul masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara menerusi pendekatan kajian literatur yang berfokus kepada aspek sejarah dan migrasi. Analisis terhadap sumber sejarah serta pandangan sarjana digunakan bagi mengenal pasti faktor utama yang mendorong penghijrahan dan penempatan masyarakat ini. Penemuan menunjukkan bahawa migrasi masyarakat Bajau dengan struktur pemerintahan di Borneo Utara, khususnya dari sudut interaksi politik dan sosio-budaya. Keseluruhannya dapatan ini diharap dapat menyumbang kepada pengukuhan pemahaman tentang sejarah, mobiliti dan identiti masyarakat Bajau dalam landskap sejarah Borneo Utara.

Kata kunci: Bajau, sejarah, migrasi, literatur, Borneo Utara

Abstract

This study examines the origin of the Bajau community on the west coast of North Borneo through a literature-based approach focusing on historical and migratory aspects. Analysis of historical sources and scholarly perspective is employed to identify the main factors that influenced the migration and settlement of this community. The findings indicate a close relationship between Bajau migration and the governance structures in North Borneo, particularly in terms of political and social-cultural interactions. Overall, the study seeks to contribute to a deeper understanding of the history, mobility and identity of the Bajau people within the historical landscape of North Borneo.

Keywords: Bajau, history, migration, literature, North Borneo

Pengenalan

Terdapat pelbagai teori yang dikemukakan oleh sejarawan dan ahli antropologi, sama ada dari Barat mahupun tempatan, mengenai asal usul masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara. Secara umumnya, istilah “Bajau” digunakan sebagai istilah umum yang merangkumi pelbagai kelompok, namun wujud variasi mengikut kawasan. Antara istilah yang digunakan termasuklah *Waju*, *Wajoe*, *Badjoe*, *Bajau*, *Bajo*, *Sama*, *Samal*, *Jama-Mapun* dan *Bajaw*.¹ Menurut Sopher (1965), seorang ahli antropologi terkemuka, nama “Bajau” dipercayai berasal daripada perkataan Bugis iaitu *Waju* yang bermaksud “bergerak secara berkumpulan”. Pandangan ini seiring dengan pendapat John Crawford yang dipetik daripada Sopher (1965) yang menggambarkan masyarakat Bajau sebagai “*men that go in troops*,” iaitu merujuk kepada gaya hidup mereka yang sering berpindah secara kolektif. Tambahan pula, Sopher (1965) turut menggambarkan Bajau sebagai “*nomadic boat people*” yang mendiami kawasan laut dan pesisir sekitar Kepulauan Filipina dan Indonesia, terutamanya pada kurun ke-19.

Di perairan Borneo Utara, istilah “Bajau” digunakan secara meluas di kawasan pantai barat, pantai timur dan sekitar Laut Sulawesi (Celebes). Menariknya, masyarakat Bajau di pantai timur digambarkan sebagai “*settled folk*” kerana mereka telah menjalani gaya hidup menetap, berbeza dengan kumpulan Bajau di pantai barat yang dikenali sebagai *sea nomads* atau “Orang Laut,” iaitu komuniti yang bergantung sepenuhnya kepada laut dan sering berpindah-randah mengikut keperluan hidup (Sopher, 1965). Dalam kalangan sarjana tempatan pula, Hasan Mat Nor (1980) dan Sahar² berpendapat bahawa istilah “Bajau” berasal daripada perkataan “berjauhan,” yang merujuk kepada adik-beradik yang telah lama berpisah dan hidup jauh dari daratan. Tafsiran ini memberikan gambaran simbolik tentang realiti mobiliti dan kehidupan nomad yang telah membentuk identiti masyarakat Bajau sejak sekian lama (Sopher, 1965).

Sopher (1965) mengaitkan asal usul masyarakat Bajau dengan pelbagai legenda yang berkait rapat dengan ciri fizikal dan budaya masyarakat dari Kepulauan Riau-Lingga sekitar kurun ke-14. Menurut beliau, nenek moyang masyarakat Bajau dipercayai berasal dari wilayah tersebut dan sebelum berhijrah ke Borneo, mereka telah menjalani kehidupan berasaskan laut dengan menetap di atas perahu yang juga berfungsi sebagai tempat tinggal. Pandangan ini menunjukkan bahawa perahu bukan sekadar alat pengangkutan, tetapi simbol identiti dan cara hidup masyarakat Bajau sejak dari tanah asal mereka. Kehidupan nomad di lautan yang diwarisi secara turun-temurun mencerminkan kesinambungan budaya maritim yang menjadi asas kepada sejarah migrasi dan pembentukan masyarakat Bajau. Perkara ini dinyatakan oleh Sopher (1965) seperti berikut:

“It is noteworthy that in the less fanciful versions of the story, the ancestors of the Borneo-Phillipines boat people in the Riouw-Lingga Islands”.

Menurut Jeon (2019), masyarakat Bajau dipercayai berasal dari Tanah Melayu di rantau Asia Tenggara dan merupakan sebahagian daripada sub-kumpulan keluarga Austronesia. Pandangan ini menekankan persamaan dari segi ciri fizikal, budaya dan linguistik antara masyarakat Bajau dengan komuniti maritim lain di sekitar Borneo dan Kepulauan Filipina (Jeon, 2019). Kehadiran mereka di Borneo Utara turut dikaitkan dengan gelombang migrasi serta kegiatan perdagangan yang pesat semasa zaman kemuncak Kesultanan Brunei. Pada ketika itu, wilayah tersebut menjadi pusat dagangan penting, khususnya bagi pedagang Cina yang memperniagakan barangan berharga seperti mutiara dan tripang (gamat). Penglibatan aktif masyarakat Bajau dalam ekonomi maritim ini seterusnya memperkukuh kemahiran mereka dalam aktiviti menyelam dan mengumpul hasil laut (Sopher, 1965).

Masyarakat Bajau: Asal Usul, Identiti dan Peranan dalam Jaringan Maritim Asia Tenggara

Perbincangan mengenai masyarakat Bajau tidak dapat dipisahkan daripada sejarah panjang mobiliti maritim di Asia Tenggara. Kajian pelbagai sarjana seperti Sopher (1965), Sather (1965), Wallace (1965) dan Benny Baskara (2016) menunjukkan bahawa asal usul dan identiti masyarakat Bajau terbentuk melalui interaksi antara migrasi, perdagangan dan budaya laut yang melangkaui sempadan politik moden. Istilah-istilah seperti *Sea Gypsies*, *Sama* dan *Samal* bukan sekadar label etnografi, tetapi mencerminkan kepelbagaian sejarah, bahasa dan pandangan dunia masyarakat Bajau yang sentiasa bergerak dan menyesuaikan diri dengan persekitaran maritim. Dalam konteks ini, masyarakat Bajau tidak hanya dikenali sebagai pelaut nomad, tetapi juga sebagai ejen penting dalam jaringan perdagangan serantau yang menghubungkan kepulauan Filipina, Indonesia, Brunei dan Borneo Utara.

Kajian oleh Sopher (1965) mengenai masyarakat Bajau adalah cukup menyeluruh. Berdasarkan catatannya, masyarakat Bajau merupakan kelompok yang tinggal di atas perahu dan tersebar di pelbagai kawasan Asia Tenggara termasuk Indonesia, Laut Celebes, Laut Filipina, serta Semenanjung Tanah Melayu. Sopher (1965) menamakan masyarakat ini sebagai *The Sea Gypsies* atau *Sea Nomads*. Beliau menjelaskan bahawa penempatan utama masyarakat Bajau terletak di kawasan pesisir pantai dan pulau-pulau bagi memudahkan aktiviti menangkap ikan serta memungut hasil laut menggunakan teknologi tradisional. Mereka lebih selesa hidup di laut sebagai *Boat Dwellers* atau pengembara laut kerana perahu bukan sahaja berfungsi sebagai alat pengangkutan utama, tetapi juga sebagai tempat tinggal.

Di rantau Asia Tenggara, istilah “Bajau” kurang digunakan, dan mereka lebih dikenali dengan nama lain seperti *Sama* atau *Samal*. Di Kepulauan Sulu pula, istilah seperti *Sama*, *Samal*, *Palau*, *Kalianggeh* dan *Luwaan* turut digunakan untuk merujuk kepada kelompok yang sama. Menurut Sopher (1965), istilah “Bajau” dipercayai berkait dengan perkataan yang membawa maksud “bergerak secara kumpulan”, yang menggambarkan sifat nomad dan gaya hidup mereka yang berpindah-randah secara bersama. Menurut Sopher (1965) lagi, masyarakat Bajau dipercayai mempunyai persamaan dari segi ciri fizikal dan budaya dengan masyarakat di Johor-Riau Lingga, menunjukkan kemungkinan wujudnya hubungan migrasi sejak kurun ke-14. Migrasi ini turut didorong oleh perkembangan perdagangan maritim di Brunei dan Jolo, khususnya antara pedagang Cina dengan penduduk tempatan. Sebahagian besar barangan dagangan yang diperlukan oleh pedagang Cina iaitu seperti hasil laut bernilai tinggi adalah dapat diperoleh melalui kepakaran masyarakat Bajau yang terkenal sebagai pelaut mahir dan berpengalaman.

Menurut Sather (1965), keadaan ini memperlihatkan bahawa masyarakat Bajau bukan sekadar pelaut nomad, tetapi juga merupakan ejen penting dalam jaringan ekonomi maritim serantau yang berkembang pesat di Asia Tenggara pada waktu tersebut. Perkara ini diperincikan oleh Sather (1965) seperti berikut:

“This event coincides with the rise of Brunei as a very important place in the trade with China. Brunei in the early fifteenth century began to prosper greatly from the benefits of increased commercial activity of China, her business being carried on newly converted Moslem Malay and Chinese. an important part of China trade carried on Brunei and Jolo was the marine product to be derived from remunerative island environment off the North Borneo coast especially in the Sulu Archipelago.. Bring The Malay with their Vassal the Boat people, indispensable for the exploitation of these resources and the entry of the boat people in to the Borneo area, Followed almost immediately by the introduction of Islam is seen in its Proper historical context.”

Petikan di atas turut menjelaskan bahawa kedatangan masyarakat Bajau bukan sahaja digerakkan oleh faktor perdagangan, tetapi juga oleh pertambahan populasi yang memaksa mereka mencari kawasan penempatan baharu. Dari masa ke masa, mereka akhirnya membentuk komuniti tetap di lokasi tertentu. Namun, keadaan ini menyebabkan mereka tidak lagi berpeluang kembali ke kawasan asal untuk mendapatkan hasil laut yang lebih lumayan disebabkan jarak yang semakin jauh. Oleh itu, masyarakat Bajau terus mengekalkan gaya hidup berpindah-randah sebagai strategi untuk mencari sumber rezeki di tempat baharu.

Wallace (1965) berpendapat bahawa istilah Bajau berasal daripada perkataan Bajak Laut atau Baja Laut, yang membawa maksud lanun, seperti yang ditafsirkan oleh orientalis pada zamannya. Tambahan pula, Wallace (1965) menjelaskan bahawa istilah seperti *Kalienggeh* bermaksud “kurang ajar” dan “pengotor” (*rude and dirty*), manakala *Luwaan* pula merujuk kepada “orang yang terasing”. Hasan Mat Nor (1980) menafsirkan istilah Bajau sebagai lambang kepada corak kehidupan maritim masyarakat ini yang sentiasa “berjauhan”, menggambarkan cara hidup mereka yang berpindah-randah dan tinggal berjauhan antara satu sama lain. Sementara itu, Benny Baskara (2016) menyatakan bahawa nama Bajau berasal daripada perkataan Bajoe atau Bajo, yang digunakan oleh kerajaan Bone ketika kerajaan Gowa telah ditakluk oleh Bone. Sather (1965) turut menjelaskan bahawa masyarakat Bajau sendiri lebih gemar dikenali sebagai *Sama* atau *A'asama*, suatu istilah yang digunakan oleh orang luar apabila merujuk kepada mereka. Perkara ini dibincangkan oleh Sather (1965) seperti berikut:

“The generic that apply to themselves at least in Sabah is Sam or Aa sama or dialect variants of these term to my knowledge Bajau and Samal are never used in self reference among Sama themselves, although most know these terms are used by outsiders and frequently use them when speaking to non sama.”

Petikan di atas turut menjelaskan bahawa secara lisan, istilah *Sama* dipercayai muncul hasil daripada pertemuan semula antara kelompok etnik Bajau di sesuatu lokasi. Dalam proses memperkenalkan diri, mereka menyedari bahawa mereka berasal daripada rumpun yang sama, lalu menggunakan istilah *Sama* yang bermaksud “kita sama” sebagai tanda identiti dan perpaduan etnik. Selain itu, menurut Benny Baskara (2016), istilah “Bajau” dipercayai berpunca daripada perkataan *Bajaul* dalam bahasa Melayu-Brunei, yang membawa maksud “memancing”. Gelaran ini kekal digunakan kerana hubungan rapat antara masyarakat Brunei dengan Bajau, khususnya dalam kegiatan maritim.

Secara keseluruhannya, pelbagai tafsiran tentang asal usul dan istilah “Bajau” mencerminkan dinamika sejarah masyarakat maritim yang hidup dalam mobiliti berterusan. Sama ada dikenali sebagai *Sama*, *Samal* atau *Bajau*, identiti mereka terbentuk melalui pengalaman berpindah, berdagang, dan berinteraksi dengan pelbagai kuasa maritim di rantau ini. Aspek linguistik, budaya, dan sejarah lisan menunjukkan bahawa masyarakat Bajau bukanlah kelompok yang terpencil, tetapi merupakan sebahagian daripada jaringan sosial dan ekonomi yang luas di Asia Tenggara. Pemahaman ini membuka ruang untuk menelusuri teori lain yang mengaitkan asal usul masyarakat Bajau dengan Johor dan wilayah maritim Melayu, yang turut menjadi asas penting dalam pembentukan identiti dan penyebaran komuniti Bajau di Borneo Utara serta Kepulauan Sulu.

Asal Usul Masyarakat Bajau: Teori Keturunan dari Selatan Filipina dan Johor

Membincangkan istilah Bajau semestinya berkait rapat dengan usaha menelusuri asal usul masyarakat Bajau, dan perkara ini merupakan suatu pencarian kebenaran yang masih belum menemui noktah. Istilah Bajau sering dikaitkan dengan pelbagai tafsiran dan pandangan, sama ada dalam penulisan Barat mahupun tempatan. Walaupun sumber sejarah yang berkaitan agak

terbatas, namun sumber tersebut masih dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam usaha menjejak asal usul mereka. Terdapat dua pandangan utama mengenai hal ini. Pertama, masyarakat Bajau didakwa berasal dari Zamboanga di selatan Filipina; manakala pandangan kedua menyatakan bahawa mereka berasal dari Johor. Kedua-dua pendapat ini disokong melalui pelbagai sumber seperti linguistik, demografi, geografi, budaya dan tradisi lisan.

Pandangan pertama menyatakan bahawa masyarakat Bajau berasal dari Pulau Zamboanga. Menurut Nornis (2012), etnik Bajau merupakan kelompok terbesar yang mendiami kepulauan tersebut dalam konteks geografi Asia Tenggara. Pergerakan dari Kepulauan Zamboanga dianggap sebagai asas kepada proses migrasi awal masyarakat Bajau, kerana bukti penghijrahan menunjukkan mereka berpindah dari kawasan itu ke wilayah lain. Dari sudut linguistik, pandangan ini turut disokong oleh persamaan bahasa dan dialek antara kelompok Bajau di Borneo Utara iaitu sama ada di pantai barat, pantai timur, Indonesia mahupun Filipina, dan perkara ini memperlihatkan pertalian rapat melalui variasi dialek seperti Tawi-Tawi, Balabak, Sibutu dan Selatan Filipina (Nornis, 2012).

Asmah Haji Omar (1983) menjelaskan bahawa masyarakat Bajau mempunyai pelbagai gelaran. Selain dikenali sebagai *Sama*, mereka turut digelar *Samal Badjau*, *Luwaan*, *Kalianggeh* dan *Palau*. Namun, masyarakat ini lebih selesa dengan panggilan *Sama* atau *Samal*, manakala istilah seperti *Luwaan*, *Kalianggeh* dan *Palau* dianggap berkonotasi negatif kerana dikaitkan dengan darjat yang rendah. Menurut Asmah Haji Omar (1983), perkataan *Sama* bermaksud “serupa”, manakala istilah “Ba-” dan “-Jau” boleh ditafsirkan sebagai “duduk jauh”. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan identiti dalam kalangan masyarakat Bajau yang menetap di sekitar Borneo, terutamanya antara Bajau Darat dan Bajau Laut. Perbezaan ini mencerminkan keupayaan mereka menyesuaikan diri mengikut persekitaran dan kawasan penempatan. Menariknya, walaupun berbeza dari segi geografi dan gaya hidup, sebahagian besar masyarakat Bajau masih berpegang kepada agama Islam (Mohameddan), seperti yang dijelaskan oleh Samuel (1913). Namun begitu, terdapat juga kelompok seperti *Luwaan* dan *Palau* yang dikatakan kurang berpegang pada agama kerana status sosial mereka yang dianggap rendah berbanding “Orang Sama”. Secara keseluruhannya, pelbagai istilah dan tafsiran ini sering menimbulkan kekeliruan antara penulis orientalis dan sarjana tempatan, namun hakikatnya masyarakat Bajau tetap hidup sebagai sebuah komuniti manusia yang berfungsi dan beridentiti.

Teori Imigrasi Bajau dari Selatan Filipina

Menurut Saleeby (1963), masyarakat Bajau yang wujud pada kurun ke-14 telah dibawa oleh angin taufan ke Tanah Sulu dari negeri Johor. Bilangan masyarakat Bajau yang tiba ke Tanah Sulu adalah ramai sehingga hampir seluruh kepulauan Sulu didiami oleh mereka. Walaupun bilangan masyarakat Bajau adalah ramai tetapi ditakluki oleh orang Suluk. Situasi ini mewujudkan perhubungan antara Bajau dengan Suluk seperti hamba abdi dengan tuan pemilik hamba (Saleeby, 1963).

Manakala Sopher (1965) pula berhujah bahawa masyarakat Bajau berasal dari Riau-Lingga sebelum berpindah ke kawasan Filipina seperti berikut:

“It is noteworthy that the less fanciful version of stories of the story, the ancesions of the Borneo-Phillphines boat people were already boat people in the Riouw-Lingga.”

Petikan ini menggambarkan kisah legenda yang berlegar dalam kalangan masyarakat Bajau yang dikatakan mempunyai pertalian asal dengan penduduk Kepulauan Riau-Lingga. Hubungan ini dapat dikenal pasti melalui persamaan dari segi kebudayaan, linguistik serta ciri

fizikal antara masyarakat Bajau di Filipina dan masyarakat di kepulauan tersebut. Teori migrasi ini berpendapat bahawa perpindahan masyarakat Bajau dari Kepulauan Riau-Lingga berlaku sekitar kurun ke-14, iaitu sebelum penyebaran Islam secara rasmi di negeri Johor.

Perpindahan ini dipercayai didorong oleh faktor perdagangan maritim yang pesat berkembang di rantau Brunei dan Jolo pada waktu itu. Permintaan tinggi daripada pedagang Cina terhadap hasil laut telah membuka peluang kepada masyarakat Bajau, yang terkenal sebagai pelaut dan penyelam mahir, untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan ekonomi tersebut (Sopher, 1965). Selain faktor ekonomi, pertambahan penduduk di kawasan asal turut menyebabkan ruang kehidupan menjadi terhad, sekali gus mendorong mereka berpindah bagi mencari kawasan baharu yang lebih sesuai dan kurang bersaing dengan kelompok pelaut lain.

Teori kedatangan ini turut disokong oleh Nimmo (1970) yang menjelaskan bahawa masyarakat Bajau secara tradisionalnya merupakan kelompok nomad laut yang mendiami perairan Kepulauan Sulu di selatan Filipina. Mereka tersebar luas di perairan Asia Tenggara seperti Laut Sulawesi, Laut Selatan Melayu dan Laut Andaman, dengan gaya hidup yang sangat bergantung kepada laut. Walaupun asal usul tepat mereka masih belum dapat dipastikan, hubungan rapat dengan kepulauan di Laut Sulu menunjukkan kemungkinan besar mereka datang dari selatan Filipina. Persamaan budaya dan bahasa, termasuk dalam penggunaan istilah serta reka bentuk perahu layar tradisional, memperkukuh teori ini.

Penemuan penempatan masyarakat Bajau di kawasan seperti Tawi-Tawi, Siasi, Kagayan, Jolo, Zamboanga, Basilan dan Kepulauan Sibutu menunjukkan penyebaran mereka yang meluas di rantau tersebut. Malah, komuniti Bajau juga direkodkan mendiami kawasan berhampiran Mindanao seperti Surigao, Davao dan Zamboanga sebelum berlayar ke pantai timur Borneo Utara menggunakan perahu kecil bagi mencari penempatan baharu. Aktiviti utama mereka sebagai nelayan turut menyebabkan mereka dikenali sebagai “Orang Laut” atau “Orang Nelayan” (Nimmo, 1970; 1969). Dalam konteks budaya tempatan, masyarakat Bajau juga sering dirujuk sebagai “Orang Taosug” atau “Orang Sama”, menandakan perkaitan etnolinguistik yang rapat antara kumpulan-kumpulan di rantau tersebut.

Menurut Nagatsu (2001), masyarakat Bajau juga dikenali sebagai pedagang tradisional yang aktif di kawasan pantai timur Borneo. Catatan Eropah pada kurun ke-18 hingga ke-19 turut menunjukkan keterlibatan mereka dalam jaringan perdagangan maritim antarabangsa. Antara tokoh Eropah yang pernah menyebut tentang keberadaan masyarakat Bajau di pantai timur ialah William Pryer, yang merupakan Residen pertama di Sandakan. Catatan beliau adalah seperti berikut:

“The Bajau are a Curious wandering irresponsible sort of race, rather low down in the scale of humanity, living almost entirely in boat families. Though undoubtedly of Malay Origins, They are much larger in stature and stronger and darker than Malay origins. Not caring to store up property and rarely troubling themselves as to where next week meals are to come from they pick up a precious livelihood, along the shore line, by catching fish, finding sea slugs and turtle egg, spearing sharks and so forth.. they le a wild free, roving in the open air, untroubled by any care thought for the morrow.”

(British North Borneo Herald, 1892)

Petikan di atas menjelaskan bahawa sistem ketuanan masyarakat Bajau di pantai timur berada di bawah pengaruh Kesultanan Sulu, yang ketika itu menguasai aktiviti perdagangan maritim sebelum kedatangan pedagang Eropah. Walaupun terlibat secara aktif dalam perdagangan, sistem ekonomi mereka bersifat tradisional dan tidak komersial seperti yang diperkenalkan oleh pedagang Eropah kemudian. Dari segi pentadbiran, masyarakat Bajau mengamalkan sistem kepimpinan berbentuk “ketua bebas” di setiap kawasan persisiran pantai,

mencerminkan struktur sosial yang longgar tetapi tersusun dalam konteks tempatan. Penempatan mereka di sekitar Laut Sulu juga memainkan peranan penting dalam menguasai jaringan perdagangan serantau (Nimmo, 1969).

Nimmo (1969) turut menjelaskan bahawa kedatangan masyarakat Bajau dari Filipina mempunyai kaitan asal-usul dengan Johor, memperkukuh teori migrasi awal yang menghubungkan masyarakat Bajau di Borneo Utara dengan Kepulauan Riau-Lingga dan Johor.

“The first inhabitants of the Island of Sulu were the people of Maymbung. These were followed by the Tagimaha and the Baklaya. Later came the Bajaw (Samals) from Juhur. Some Bajaws were taken by the Sulus and were distributed among the three divisions of the island, while others drifted to Brunei and Magindanao”. The noted emigration of the Bajaws or Samals of Juhur must have begun in the earlier parts of the fourteenth century, if not earlier. These sea nomads came in such large numbers and in such quick succession as to people the whole Tawi-Tawi, Panguturan and Siasi Groups, all available space on the coast of Sulu proper, the Balangingi Group, and the coasts of Basilan and Zamboanga, before the close of the century and before the arrival of the first Mohammedan.” (Nimmo, 1969)

Petikan ini menjelaskan bahawa kedatangan masyarakat Bajau tidak menafikan kemungkinan asal usul mereka dari Johor, namun mereka telah lama menetap di kepulauan Filipina selama beberapa kurun sebelum berhijrah ke kawasan lain untuk mencari penempatan dan kehidupan baharu. Perpindahan dari pulau-pulau besar yang dipengaruhi oleh budaya maritim ini akhirnya membentuk identiti tersendiri dalam kalangan masyarakat Bajau di pantai timur Borneo. Walau bagaimanapun, teori tentang asal usul kedatangan mereka ke pantai timur masih menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana.

Menurut Anh Lien Do Khac (2016), masyarakat Bajau dipercayai berasal dari selatan Filipina dan telah menetap di kawasan tersebut sejak kira-kira seribu tahun lalu. Dari situ, mereka bermigrasi ke Laut Sulawesi sekitar kurun ke-15 untuk menjalankan kegiatan mengutip gamat (*sea cucumber*) yang dieksport ke China. Sementara itu, Nagatusu (2017) menjelaskan bahawa sejak kurun ke-18 lagi, masyarakat Bajau aktif dalam kegiatan maritim seperti penangkapan ikan untuk tujuan eksport ke China dari pelabuhan Makassar.

Nagatusu (2017) turut menegaskan bahawa bahasa merupakan elemen penting yang membezakan kelompok-kelompok masyarakat Bajau di rantau Asia Tenggara. Pandangan ini menunjukkan wujudnya variasi budaya dan identiti antara masyarakat Bajau di pantai barat dan pantai timur Borneo. Walaupun demikian, masyarakat Bajau di Filipina dan Indonesia memperlihatkan banyak persamaan budaya dengan masyarakat Bajau di Borneo Utara, khususnya dalam aspek kehidupan maritim yang menjadi teras ekonomi dan sosial mereka. Namun begitu, satu aspek yang menarik ialah perubahan ketara dalam kalangan masyarakat Bajau di pantai barat yang telah beralih daripada kegiatan maritim kepada sektor pertanian, menandakan transformasi budaya yang signifikan (Nagatusu, 2017).

Sementara itu, Lemdar Jenar (1980) berpendapat bahawa masyarakat Bajau berasal dari selatan Filipina. Beliau menekankan hubungan rapat antara masyarakat Bajau Laut di pantai timur Sabah, khususnya di Semporna, dengan Kepulauan Sulu dari segi geografi dan budaya. Keadaan ini menjelaskan persamaan bahasa dan adat antara komuniti Bajau di Semporna dengan masyarakat Tausug dan Samal di selatan Filipina. Teori ini turut diperkuat oleh catatan Tome Pires (1944) yang merekodkan hubungan awal antara kelompok maritim di kawasan tersebut seperti berikut:

“they, the inhabitants of macassar, are the greatest in the world. They are very strong and have many ships. They sailed from the country as far Pegu, Maluku and banda and the island Surrounding Java to pirate. Where they can send their spoils and sell their captured slaves. The Javanese call them Bajus (Bajau) and also Celates”.

Berdasarkan catatan sejarah oleh Tome Pires (1944) tersebut, difahami bahawa masyarakat Bajau dikenali sebagai kelompok maritim yang cekap dan berani, malah pernah digambarkan sebagai pelaut handal yang mampu belayar jauh hingga ke Pegu, Maluku Banda dan sekitar Pulau Jawa. Keupayaan ini mencerminkan kewujudan jaringan ekonomi tersendiri berasaskan aktiviti laut, termasuk yang dikaitkan dengan perdagangan manusia dan kegiatan lanun. Pandangan ini sejajar dengan hujahan Sopher (1965) yang menjelaskan bahawa masyarakat Bajau menghabiskan sebahagian besar kehidupan mereka di laut. Mereka turut memperlihatkan keupayaan menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran maritim dan daratan, sekali gus membentuk identiti sebagai komuniti pelaut yang dinamik dan bermobiliti tinggi.

Kecenderungan masyarakat Bajau terhadap aktiviti kelautan telah membentuk satu tanggapan umum yang mengaitkan mereka dengan identiti maritim yang kuat. Menurut Hugh Low (1880), masyarakat Bajau dikenali sebagai *Sea Gypsies* yang berasal dari kawasan Selat Melaka. Forrest (1779) turut menyokong pandangan ini dengan menggambarkan masyarakat Orang Laut yang juga dikenali sebagai “Orang Badjoo” atau “Orang Badjaw” adalah sebagai komuniti nelayan yang hidup secara nomad dan sentiasa berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Tambahan pula, masyarakat Bajau sendiri mengakui bahawa asal usul mereka adalah dari Johor, dan bahawa nenek moyang mereka merupakan pemimpin yang diberikan gelaran bangsawan.

Jamaluddin (2015) mengaitkan dakwaan ini dengan gelaran kehormatan yang diberikan oleh Kesultanan Brunei dan Sulu, sekali gus memperlihatkan bahawa masyarakat Bajau berada di bawah pengaruh serta salasilah keturunan dua kuasa tersebut. Pandangan ini turut diperkuatkan oleh Evans (1952) yang menjelaskan bahawa masyarakat Bajau sememangnya berasal dari Johor dan tidak wajar dipandang rendah dari sudut sejarah mereka. Sebagai contoh, komuniti Bajau di Labuan menamakan kawasan mereka dengan nama tokoh seperti “Datu Tallah” dan “Datu Tari,” serta memiliki sebuah meriam kecil jenis *Breach Loading Cannon* yang dinamakan “Bujang Paling.” Meriam ini dipercayai berasal dari Johor dan berperanan sebagai simbol kekuasaan tradisional masyarakat Bajau di rantau tersebut (Evans, 1952; Jamaluddin, 2015). Evans (1952) turut menegaskan bahawa hubungan erat masyarakat Bajau dengan laut iaitu melalui gaya hidup yang sentiasa bergerak dan berpindah telah mencerminkan budaya maritim yang telah lama menjadi teras identiti komuniti ini.

Asal Usul Masyarakat Bajau: Teori Imigrasi Bajau dari Johor

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa asal usul masyarakat Bajau di Borneo Utara berpunca dari Johor. Teori ini merupakan antara yang paling banyak mendapat sokongan daripada para pengkaji sejarah, budaya dan linguistik berkaitan masyarakat Bajau. Pandangan tersebut disokong oleh pelbagai sumber ilmiah serta catatan pengembaraan lama. Antaranya, pengembara Barat bernama Thomas Forrest (1779) mencatatkan bahawa semasa pelayarannya ke New Guinea, beliau telah menemui kumpulan nelayan Bajau di sepanjang pesisir Tenggara Pulau Borneo. Forrest (1779) berpendapat bahawa nelayan-nelayan tersebut berkemungkinan besar berasal dari wilayah Johor-Riau-Lingga. Forrest (1779) menjelaskan hal ini dalam catatannya seperti berikut:

"The Badjoo people, calet Orang Badjoo, kind of itinerant fisherman, said to come originally from Johore, at the entrance of the Straits of Malacca. They are Mahometans, in their original country, Johore, they were driven across the southern part of the China Sea, to the coast of Borneo." (Forrest, 1779).

"The Bajus are scattered along the coast, thier principal settlements being at Mengkabong and Tampasuk. At Mengkabong, they appear numerous, and perhaps could muster 1,000 fighting man, at Tampasuk, they estimate thier own number at 600, at Pandasan 400, at Abai, Sulaman, Ambong, there are a few."

Menurut laporan *The Putatan Sub District* oleh Timbalan Residen S. E. Dalrymple bertarikh 31 Disember 1884;

"The Bajaus constitute a minor element in the population. These Johore aliens—though, as Mahomedans, not assimilating with the Dusun element, are yet unlike the Bajaus of North East Borneo in this respect, viz :- that they possess cattle, hold and cultivate land and live in fixed habitations on shore. They are however, in great part, fishermen." (Report Putatan, 1884; Dalrymple, 1884).

Petikan di atas sokongan daripada S.E. Dalrymple bahawa kedatangan masyarakat Bajau adalah datangnya mereka daripada Johor Riau Lingga. Mereka merupakan beragama Islam (Mohameddan) tetapi tidak berasimilasi dengan masyarakat Dusun di Putatan. Mereka juga boleh bertani dan menanam padi yang sama dengan cara hidup dengan masyarakat Dusun tetapi mereka mengikut musim. Tambahan kelebihan yang sedia ada dengan masyarakat Bajau juga mahir dalam kegiatan nelayan untuk dijadikan sebagai sumber makanan laut mereka. oleh sebab itu, mereka telah datang ke Putatan disebabkan mereka mencari tempat yang lebih selamat berbanding tempat sebelumnya.

Beberapa sarjana mengaitkan asal usul masyarakat Bajau dengan kisah legenda yang berpunca dari Johor. Menurut Rutter (2015), kedatangan awal masyarakat Bajau ke Borneo bermula daripada kisah perkahwinan diraja antara Sultan Johor dengan Puteri Ayesha. Diceritakan bahawa Puteri Ayesha telah dipinang oleh dua orang sultan, iaitu Sultan Brunei dan Sultan Sulu. Namun, pinangan Sultan Brunei ditolak, manakala pinangan Sultan Sulu diterima. Ketika rombongan perkahwinan sedang berlangsung, pasukan Sultan Brunei telah menyerang rombongan tersebut. Dalam serangan itu, Puteri Ayesha diculik, manakala para pengiring dan pengikutnya bertempiran melarikan diri. Sebahagian daripada mereka dipercayai kembali ke Johor, manakala sebahagian lagi menetap di kawasan sekitar Pulau Borneo. Naratif ini menggambarkan wujudnya gelombang migrasi masyarakat dari Johor ke Borneo yang turut menyumbang kepada penyebaran awal komuniti Bajau di rantau tersebut (Rutter, 2015).

Menurut Cyril Alliston (1961), kisah perkahwinan Puteri Ayesha dan Sultan Sulu juga menjadi asas legenda asal-usul Bajau. Dalam catatannya, rombongan Sultan Sulu dikatakan berlayar ke Johor dengan diiringi kapal perang untuk melangsungkan perkahwinan tersebut. Namun, Sultan Brunei yang turut menaruh hati terhadap Puteri Ayesha merancang untuk menculik baginda, menyebabkan peperangan kecil di laut tercetus. Akibatnya, para pengiring Puteri Ayesha bertempiran melarikan diri dan enggan kembali ke Johor kerana takut dimurkai Sultan. Mereka akhirnya hidup berpindah-randah di laut, lalu dikenali sebagai *Sea Gypsies* yang merupakan cerminan awal identiti masyarakat Bajau maritim (Alliston, 1961).

Pandangan ini turut diperkuat oleh Dewall (1855), yang juga menyatakan bahawa masyarakat Bajau berasal dari Johor. Beliau mengisahkan bahawa seorang puteri Johor telah hilang di laut akibat ribut, lalu Sultan Johor mengarahkan sekumpulan penduduk mencarinya. Kumpulan itu tidak menemui puteri tersebut dan akhirnya menetap di sepanjang pantai barat

Borneo Utara, Sulawesi dan Kepulauan Sulu. Catatan ini menggambarkan migrasi tanpa sengaja akibat bencana laut yang kemudian membentuk komuniti Bajau di kawasan maritim Nusantara.

Menurut Follet (1945), masyarakat Bajau digambarkan sebagai pelaut yang tinggal di dalam perahu di perairan sekitar pesisir Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Johor. Mereka hidup aman sebagai nelayan, namun sentiasa berwaspada terhadap ancaman dari penduduk daratan. Follet (1945) meriwayatkan kisah seorang gadis Bajau yang diculik oleh ketua penduduk darat tetapi berjaya melarikan diri. Peristiwa itu menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat Bajau terhadap kemungkinan balasan daripada penduduk darat. Akibatnya, mereka meninggalkan kawasan tersebut dan berpindah ke Laut Sulu, lalu menetap di sana sebagai masyarakat maritim sepenuhnya.

Walaupun banyak teori tentang asal usul Bajau berasaskan legenda dan mitos, Yap (1990) turut menyokong pandangan bahawa masyarakat ini berasal dari Johor. Beliau mengaitkannya dengan kisah tokoh Selangaya Bongaya yang meninggalkan Johor selepas tewas dalam perebutan untuk mengahwini seorang puteri, lalu berlayar ke selatan Filipina dan meninggalkan keturunan yang ramai di sana.

Sarjana Jeon (2019) juga mengemukakan kisah perkahwinan seorang puteri Johor yang dilarikan ke Goa, Sulawesi Selatan oleh seorang putera tempatan. Pengikut puteri tersebut dikatakan tidak berani kembali ke Johor kerana bimbang akan kemurkaan Sultan Johor. Menurut Jeon (2019), peristiwa ini menjadi petunjuk bahawa masyarakat Bajau mungkin berakar daripada rombongan tersebut, sekali gus menunjukkan hubungan sejarah antara Johor dan Goa.

Selain itu, Saleeby (1963) turut menyokong teori bahawa masyarakat Bajau berasal dari Johor. Beliau menjelaskan bahawa kelompok Bajau, yang digelar sebagai *Samals*, telah dibawa oleh angin taufan dari Johor ke Tanah Sulu sekitar kurun ke-14. Jumlah mereka yang tiba di Sulu dikatakan sangat besar sehingga hampir keseluruhan wilayah itu didiami oleh masyarakat Bajau. Sebahagian daripada mereka kemudiannya ditawan oleh Orang Tausug, penduduk asal Sulu, dan hubungan antara kedua-dua kelompok ini berkembang dalam bentuk hierarki sosial menyerupai sistem tuan dan hamba. Keadaan ini memperlihatkan bahawa hubungan Bajau-Suluk bukan sahaja berpaksikan interaksi ekonomi dan maritim, tetapi juga mencerminkan struktur sosial yang terbentuk hasil pertembungan budaya dan sejarah panjang migrasi dari rantau Melayu ke Kepulauan Sulu.

Selain itu, pandangan lain yang turut mengaitkan Bajau dengan Johor disokong oleh catatan awal Tome Pires (Cortesao, 1944), yang merekodkan kewujudan komuniti maritim di perairan Johor, Singapura dan Riau pada kurun ke-15. Komuniti ini dikenali sebagai Orang Laut atau Orang Seletar, yang menurut Nornis (2015) berkait rapat dengan masyarakat Bajau. Trocki (2013) pula menegaskan bahawa dalam konflik antara Sultan Sulaiman (1759) dengan Raja Kechil, kumpulan Orang Laut dan Bugis berpihak menentang Raja Kechil, memperlihatkan peranan penting masyarakat maritim ini dalam politik Johor. Konflik di wilayah Johor-Riau yang turut dijelaskan oleh Andaya (1975) memperkukuh pandangan bahawa kejatuhan kerajaan Johor banyak dipengaruhi oleh kumpulan maritim seperti Orang Laut yang mempunyai latar sejarah dan budaya hampir serupa dengan masyarakat Bajau dalam konteks politik dan pertahanan dunia Melayu.


Selain itu, konflik di wilayah Johor-Riau yang turut dijelaskan oleh Andaya (1975) memperlihatkan bagaimana kejatuhan kerajaan Johor turut dipengaruhi oleh peranan kumpulan maritim seperti Orang Laut yang latar sejarahnya berkait rapat dengan masyarakat Bajau dalam percaturan politik dan pertahanan kerajaan Melayu pada masa tersebut. Perkara ini dijelaskan oleh Andaya (1975) seperti berikut:

“The Trauma of The Regicide in 1699, which resulted in the confusion within the ranks of the Orang laut and culminated in the betrayal of the new dynasty was as significant turning point in the history of the Orang Laut people within the Malay World. The Orang laut underwent such a significantly metamorphosis in the eighteen century foreign observers were wont to characterize the Orang laut Groups that Occasionally encountered as a shy, nomadic sea people of the little Consequence”.

Petikan di atas menjelaskan bahawa Orang Laut telah mengkhianati Raja Kechil, sekali gus mencetuskan perubahan besar dalam landskap politik di kawasan Riau. Dalam perkembangan tersebut, Bendahara dan Temenggong berjaya menguasai kawasan perairan strategik, namun mereka tidak menobatkan diri sebagai Sultan secara langsung. Sebaliknya, kuasa politik mereka banyak dipengaruhi oleh peranan aktif komuniti Bugis. Orang Bugis, khususnya tokoh seperti Opu Daeng Merewah, memainkan peranan penting dalam menentukan struktur pemerintahan baharu Johor-Riau. Dengan sokongan ketenteraan dan politik daripada pihak Bugis, Opu Daeng Merewah akhirnya diangkat sebagai Sultan Johor, sekali gus mengambil alih kedudukan dan pengaruh yang sebelumnya dipegang oleh Orang Laut. Selepas perubahan ini, Orang Laut tidak lagi menjadi kuasa dominan sebaliknya diberikan peranan sebagai Bendahara dan Temenggong dalam hierarki pemerintahan yang baharu yang menunjukkan peralihan status politik mereka daripada penguasa utama kepada kelompok penyokong. Seperti yang diuraikan oleh Nordin Hussin (2013), perkembangan ini berkait rapat dengan kedatangan lima bersaudara Bugis ke Kepulauan Melayu yang membawa kepada penyusunan semula struktur kuasa politik di Johor-Riau. Kedatangan mereka bukan sahaja mempengaruhi perkembangan politik serantau, tetapi turut mengubah dinamik hubungan kuasa antara komuniti tempatan seperti Orang Laut dengan institusi pemerintahan tradisional yang telah lama wujud.

Secara keseluruhan, versi Johor ini memperlihatkan bahawa asal usul masyarakat Bajau tidak hanya berakar dalam legenda istana, tetapi juga dalam sejarah maritim dan migrasi politik di Selat Melaka serta perairan Nusantara. Versi ini menonjolkan bagaimana unsur hubungan diplomatik, perkahwinan diraja, konflik politik dan mobiliti laut membentuk identiti awal masyarakat Bajau sebagai pelaut yang tersebar luas di Borneo, Sulu dan wilayah sekitarnya.

Peta 1: Masyarakat Bajau Di Asia Tenggara



Sumber: Diubah suai daripada Gusni Saat, Sama-Bajau; Dalam Kaca Urbanisasi, Unimas: Sarawak, 2010.

Kesimpulan

Asal usul masyarakat Bajau dapat ditelusuri ke wilayah Kepulauan Johor-Riau-Lingga seperti yang diujahkan oleh beberapa sarjana. Majoriti penyelidik menjelaskan bahawa kedatangan masyarakat Bajau ke pantai barat Borneo Utara memperlihatkan persamaan dari segi ciri fizikal dan budaya dengan kumpulan etnik seperti Orang Seletar dan Orang Laut. Pandangan ini turut disokong oleh catatan pelayaran Thomas Forrest yang merekodkan pemerhatiannya terhadap pergerakan migrasi masyarakat Bajau.

Antara faktor yang diketengahkan ialah fenomena angin taufan yang menyebabkan komuniti Bajau, yang pada asalnya menjalani kehidupan nomad di laut menggunakan perahu, terdampar dan akhirnya menetap di pesisir pantai barat. Teori ini dianggap kukuh kerana didukung oleh pelbagai dapatan empirikal dan analisis ilmiah yang menegaskan akar asal masyarakat Bajau dari wilayah Johor-Riau-Lingga.

Walau bagaimanapun, teori ini bukanlah satu-satunya kerangka pemikiran mengenai asal usul masyarakat Bajau. Perbincangan seterusnya akan meneliti pula teori alternatif yang mengaitkan penghijrahan masyarakat Bajau dengan Kepulauan Filipina.

Penghargaan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama yang dilantik oleh pihak *MINDEN Journal of History and Archaeology* atas pandangan serta komen yang membina. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada penyunting salinan (*copyeditor*) jurnal atas usaha rapi dan sumbangan signifikan dalam memperkemas bahasa serta penyampaian artikel ini.

Nota

1. Sila lihat pelbagai penulisan sama ada perspektif Barat mahupun tempatan masih memperlihatkan perdebatan dalam kalangan sarjana David Sopher, Owen Rutter, Cyril Alliston, Gusni Saat, Saidanatul Nornis, Spenser, Yap Beng Liang dan Ivor Evans.
2. Sahar Piassin, 62 tahun, Kedai Jawa Sembulan Lama, Kota Kinabalu Sabah, 18 Januari 2022.
3. *Welenreng* adalah berasal daripada perkataan Bugis yang bermaksud Keruntuhan sebuah kerajaan. Sila rujuk Benny Baskara (2016).

Rujukan

- Alliston, C. (1961). *A Threatened Paradise*. London: Robert Hale.
- Andaya, L. (1975). *The Kingdom of Johor; 1641-1792*; Kuala Lumpur.
- Anh Lien Do Khac. (2018). The Political Sea Conservation, State Power and Symbolic Violence The Case of the Bajau in The Waikatobi Marine National Park, *Explorations Volume 14*.
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and Their language*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benny Baskara. (2016). *Islam Bajoe; Agama Orang Laut*, Javanica: Indonesia.
- British North Borneo Herald, 1st February, 1892.
- Clifford, S. (1974) *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of Southeastern Sabah*, Oxford: Oxford Press.
- Dewall, H. von. (1855). Aanteekeningen omtrent de noordoostkust van Borneo. *Tijdschrift voor Indische Taal-, Land- en Volkenkunde*, 4:423–458.

- Evans, I. H. (1952). "Notes on the Bajau and the other coastal tribes of North Borneo". *Journal of the Malayan Branch of Asiatic Society*, 25 (1).
- Follet, H. (1945). *Men of the Sulu Sea*, New York: Charles Scriber.
- Forrest, T. (1779/1969). *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan: Including an account of Magindanao, Sooloo and other islands*. London: G. Scoot. (Reprint, Oxford University Press, 1969).
- Hassan Mat Nor. (1980). Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud Sabah. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 9.
- Ismail Ali. (2010). Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Suku Kaum Bajau di Semporna, Malaysia, Satu penelitian Semula, Sosiohumanika, *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.3, No.2, November.
- Jamaluddin. (2015). Sejarah Masyarakat Bajau. (Tesis belum Terbit). Universiti Malaya.
- Jeon, K. (2019) The life and culture of the Bajau sea gypsies. *Journal of Ocean & Culture*, 2.
- Lemdar Jenar. (1980). *Sistem nilai dan norma Masyarakat Bajau di Sabah*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar nilai dan Norma Masyarakat Malaysia Ke-2, Kota Kinabalu, Sabah.
- Low, H. (1880). "Selsilah of the Rajas of Bruni (Book of the Descent)". *Journal of the Strait Branch of the Royal Asiatic Society*, (June), 6.
- Nagatusu, K. (2017). Maritime Diaspora and Creaolizing: Genalogy of the Sama-Bajau in Insular Southeast Asia, *Seneri Ethnological Studies*, 9.
- Nagatusu, K. (2017) Maritime Diaspora and Creaolizing: Genealogy of the Sama-Bajau in Insular Southeast Asia, *Seneri Ethnological Studies*, 9.
- Najeeb Saleeby (1963). *The History of Sulu*, Publication of the Filipina Book Guild, Inc: Manila.
- Nimmo, H. A. (1969). *The Structure of Bajau Society*. University of Hawaii.
- Nimmo, H.A (1969). The Structure of Bajau Society, Ph.D Thesis, University of Hawaii.
- Nimmo, H.A. (1970). Bajau, Sex, Reproduction, *Etnology*, vol.9. No, 3.
- Nordin Hussin. (2013). *Sadjarah Riouw-Lingga Daerah Taqlooqnya*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Pires, T. (1944) *Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East from the Red Sea to China, written in Malacca and India in 1512-1515* (A. Cortesao Trans. & Ed.). London: Hakluyt Society.
- Report on the Putatan District for the Eight Months Ended, British North Borneo Herald 31st December, 1884.
- Rutter, O. (2015). *British North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Samuel. (1913). "Oriental Society, Mohameddanism in Borneo Notes of the Local Modifications of Islam and the Extent of Its Influences on the Native Tribes". *Journal of the American Oriental Society*, Vol. 33.
- S, Elphistone Dalrymple. (1884). The Tawaran and Putatan Rivers, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Saidanatul Nornis. (2012). Bajau Pantai Barat. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Sather, C. (1965). "Bajau Number & Adjacent of Quantity". *Sabah Society*, 2, 2.
- Sopher, D. (1965). *The Sea Nomads: A Study Based on the Literature of Maritime Boat People of Southeast Asia* (Memoirs of the National Museum, No.5). Syracuse University.
- Trocki, C. (2013). *The Prince of Pirates, The Temenggong and the Development Johor and Singapore 1784-1885*, NUS: Singapore.
- Wallace, J. B. (1965) *Village Life in Insular Southeast Asia*, Methodist University Little Brown Company: Boston.
- Yap Beng Liang. (1990). Perubahan Sosial Dalam Masyarakat Bajau Kota Belud (Disertasi Universiti Malaya). Kuala Lumpur.

